

**Seri Paduka berangkat ke Antartika Ahad ini**  
**Utusan Online**  
**November 18, 2011**

KUALA LUMPUR 17 Nov. - Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin akan melakukan lawatan kerja empat hari ke benua Antartika pada 20 hingga 24 November ini.

Menurut kenyataan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, lawatan Seri Paduka itu akan turut disertai Menterinya, Datuk Seri Maximus Ongkili.

"Lawatan tersebut adalah gambaran kesungguhan dan komitmen negara susulan daripada penyertaan dalam Triti Antartik 1959 baru-baru ini.

"Lawatan Seri Pasuka itu dilihat akan memperkukuhkan kerjasama penyelidikan saintifik Antartika di samping mengeratkan hubungan dua hala dengan New Zealand," kata kenyataan itu hari ini.

Turut menyertai delegasi Seri Paduka ialah Pengerusi Badan Bertindak Antartika, Akademi Sains Malaysia (ASM), Tan Sri Dr. Salleh Mohd Nor dan Felo ASM, Prof. Datuk Dr. Azizan Abu Samah.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1118&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_24.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1118&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_24.htm)